



## KENYATAAN MEDIA

25 Mac 2016

### **MAIPs Agih Zakat RM123 Juta**

Pauh Putra, 25 Mac: Majlis Hal Ehwal Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs) mengagihkan bantuan wang zakat berjumlah RM123,570,316 kepada warga asnaf bermula dari bulan Januari hingga Disember bagi tahun 2015.

Raja Muda Perlis, Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail selaku Yang Dipertua MAIPs bertitah, bagi tempoh yang sama, MAIPs telah mengagihkan sebanyak RM5,776,803 sebagai Bantuan Sara Hidup kepada 8,084 penerima, RM3,206,550 `Bantuan Zakat Fitrah' kepada 8,016 penerima, RM2,944,750 Bantuan Serta Merta Institusi Pengajian Tinggi (IPT) kepada 2,945 pelajar, RM471,865 `Bantuan Perubatan', RM324,154 Bantuan Bencana, RM1,850,000 Bantuan Institusi Pendidikan Islam yang melibatkan 15 Institusi Pendidikan Islam di Perlis dan RM3,411,310 untuk Program dan Aktiviti Kemasyarakatan dan Dakwah.

"Bagi bantuan rumah pula, MAIPs telah menyumbangkan sebanyak 725 buah rumah bernilai RM10,797,311 pada tahun 2013, 588 buah bernilai RM10,440,662 (2014) dan 513 buah rumah bernilai RM10,346,693 (2015)," titah baginda Majlis Penyerahan Penyata Zakat Pendapatan 2015 sempena Program Pelancaran Dana A-Heart di Dewan Ilmu, Universiti Malaysia Perlis (UniMAP), di sini, semalam.

Turut berangkat hadir pada majlis itu, Raja Puan Muda Perlis, Tuanku Hajah Lailatul Shareen Akashah Khalil.

Hadir sama Menteri Besar, Datuk Seri Azlan Man, Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam Negeri, Khairi Hassan dan Penasihat Khas Menteri Pengajian Tinggi Malaysia, Brig. Jen. Datuk Prof. Emeritus Dr Kamarudin Hussin.

Bercakap mengenai bantuan rumah pula, untuk rekod dalam tahun 2013, MAIPs telah menyumbangkan sebanyak 725 buah rumah bernilai RM10,797,311. Pada tahun 2014 sebanyak 588 buah rumah bernilai

RM10,440,662 serta pada tahun 2015 sebanyak 513 buah rumah bernilai RM10,346,693.

Pada majlis itu juga, seramai 47 pelajar yang sedang menyambung pelajaran di Timur Tengah turut menerima Agihan Bantuan Pelajaran dengan diwakili ibu bapa masing-masing.

Titah baginda lagi, MAIPs amat mengalukan program kolaborasi Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) bersama Jabatan, organisasi atau syarikat-syarikat swasta samada kewangan, perdagangan ataupun perkhidmatan.

“Ini kerana MAIPs benar-benar mahu dikenali sebagai ‘rakan kongsi’ yang tepat selain menjadi medium pelaksanaan program berimpak oleh semua pihak di negeri Perlis.

“MAIPs juga memohon orang ramai berkongsi dengan MAIPs, sebarang kes ‘terlepas pandang’ atau ‘keciciran’ agihan sumbangan kepada mana-mana asnaf yang berkelayakan menerima bantuan zakat,” titah baginda lagi.

Titah baginda sepatutnya, tiada asnaf yang terpinggir atau terlepas pandang di negeri ini kerana pelbagai mekanisme yang dapat membantu golongan asnaf yang terdiri daripada para amil, Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK), Wakil Rakyat, Ketua-Ketua Jabatan, guru sekolah dan sebagainya.

**Dikeluarkan Oleh :**

**Mohd Basri Basir**

Penolong Pegawai Perhubungan Media UniMAP

**[mbasri@unimap.edu.my](mailto:mbasri@unimap.edu.my)**